



Utusan Malaysia - Faedah 1MDB RM1.68 Bilion

🕒 Jumaat, Okt 19 2018



Dua lagi pembayaran pada 11 November depan

Faedah 1MDB RM1.68 bilion

Utusan Malaysia 19/10/18

■ KUALA LUMPUR 18 OKT.

KERAJAAN Pakatan Harapan (PH) mendakwa terpaksa membayar sejumlah RM1.68 bilion untuk pembayaran faedah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) untuk tahun ini sahaja.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (**gambar**) mendakwa, jumlah itu termasuk kadar bayaran faedah Projek Loji Tenaga Kuala Langat 1MDB sebanyak RM208.8 juta yang telah dibayar hari ini.

Tambah beliau, dua lagi pembayaran perlu dibuat pada 11 November berjumlah RM217.51 juta manakala RM143.75 juta di



bawah Sukuk Islamik Jangka Sederhana perlu dibuat pada 29 November ini.

“Kerajaan Pakatan Harapan

“Kami akan mencari wang untuk membayar hutang skandal ini sebab tidak banyak dana dalam Menteri Kewangan.”

LIM GUAN ENG

(PH) akan terus membuat pembayaran seperti yang ditetapkan dalam kontrak kerajaan lama.

“Saya selalu tegaskan Malaysia akan mengotakan komitmen obligasi yang kita buat di

peringkat antarabangsa. Malaysia tidak akan berasa dalam keadaan gagal bayar hutang (*default*). Kita akan membuat pembayaran,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng berkata, pihaknya akan terus mengambil langkah fiskal bagi mengatasi masalah ini.

Kata beliau, kesan buruk jika Malaysia berada dalam status gagal bayar hutang adalah menjejaskan penarafan atau *rating* di peringkat antarabangsa.

“Kami akan mencari wang untuk membayar hutang skandal ini sebab tidak banyak dana dalam Menteri Kewangan,” katanya.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

